

Nama Polisi	: POLISI DIVERSITI DAN INKLUSIF
Nombor Polisi	:
Diluluskan Oleh	: JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI
Tarikh Kuat kuasa	: 6 MAC 2019
Semakan Terakhir	: Semakan seterusnya adalah lima (5) tahun dari tarikh ini

SEKSYEN 1 – PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Tujuan polisi ini adalah untuk meraikan diversiti dan mempraktikkan kebersamaan serta kesamarataan dalam semua urusan yang dijalankan di UTM. Ia mempamerkan kesungguhan Universiti terhadap persekitaran yang inklusif dan bebas daripada diskriminasi bagi semua pihak yang berinteraksi dengan pihak Universiti.

1.2 SKOP

Polisi ini meliputi semua warga Universiti termasuk pelajar, staf Universiti, pemegang taruh dan semua individu yang mengambil bahagian dalam perniagaan atau aktiviti Universiti termasuk pelawat, kontraktor, staf luar pelantikan Universiti dan juga sukarelawan.

1.3 DEFINISI

PERKATAAN/ISTILAH	DEFINISI
Diversiti	Diversiti adalah keadaan yang berbagai-bagai merangkumi jantina, umur, bangsa, agama, warganegara, taraf perkahwinan, wanita mengandung, orang kelainan upaya, status

	keluarga (sebagai contoh pelajar yang merupakan orang pertama dalam keluarga yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti), status ibu bapa dan pangkat.
Inklusif	Inklusif adalah merujuk kepada amalan dan tingkah laku untuk memastikan kebersamaan setiap individu di Universiti ini seperti mempraktikkan kesamarataan di dalam semua aktiviti Universiti.

1.4 KONTEKS PERUNDANGAN

Sama Rata di bawah Perkara 8, Kebebasan Asasi, Bahagian 2, Perlembagaan Persekutuan Malaysia

SEKSYEN 2 – POLISI

2.1 PRINSIP

- 2.1.1 Universiti komited dalam memastikan semua warga Universiti dan pihak berkepentingan diberi kesamarataan dalam semua urusan di Universiti.
- 2.1.2 Universiti memberi peluang bagi semua pelajar dan staf dapat melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka sebagai warga kampus
- 2.1.3 Universiti pastikan semua pelajar dan staf mesti menunjukkan sikap saling menghormati dalam berurusan dan perbezaan pendapat.
- 2.1.4 Universiti komited agar maklumat samada dari/kepada pelajar dan/atau staf yang disebarkan dapat sampai ke pelbagai golongan warga kampus.

2.2 PENYATAAN POLISI

- 2.2.1 Warga Universiti harus menegakkan prinsip diversiti (kepelbagaian) dan inklusif (kebersamaan) dalam kerja harian, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pengurusan dari segi:
 - 2.2.1.1 Hak – setiap warga Universiti ada hak untuk dilayan dengan baik, dihormati dan boleh terlibat dalam semua aspek kehidupan kampus dengan saksama.
 - 2.2.1.2 Peluang – Universiti menyediakan peluang yang sama rata kepada semua warga bagi akses kepada peluang pekerjaan dan Pendidikan
 - 2.2.1.3 Pengiktirafan – setiap warga Universiti diiktiraf dan dihargai atas kepelbagaian mereka
 - 2.2.1.4 Inklusif – komuniti tempatan, nasional dan global adalah gambaran komuniti kampus dengan menarik dan mengekalkan pelajar dan staf dari pelbagai latarbelakang.
- 2.2.2 Warga Universiti harus memastikan tiada diskriminasi, buli, gangguan dan keganasan (*harassment and violence*) dalam kampus.
- 2.2.3 Kesaksamaan dalam pendidikan, penyelidikan dan pekerjaan tanpa mengira jantina atau kaum.
- 2.2.4 Jawatankuasa/badan yang membuat keputusan harus menggalakkan penglibatan pihak dari pelbagai latar belakang dalam membuat keputusan.
- 2.2.5 Warga Universiti sentiasa menyokong keperluan bagi pelajar dan staf yang memerlukan bantuan khusus (OKU) dari pelbagai latar belakang.
- 2.2.6 Dalam kerjaya – Universiti harus sentiasa membuat semakan amalan dalam pengambilan, kenaikan pangkat, pengurusan prestasi, penetapan sasaran kerja, pengurusan bakat, pelan penggantian, perancangan, latihan dan pembangunan bagi mengelakkan diskriminasi dan bias.
- 2.2.7 Universiti akan menyokong keperluan warga Universiti dan semua pihak yang berinteraksi dengan pihak Universiti berdasarkan kepelbagaian mereka selagi ia tidak menyalahi perundangan, dasar, akta dan polisi di peringkat kementerian dan kerajaan Malaysia. Polisi

ini juga tidak akan mengatasi mana-mana perundangan, dasar, akta dan polisi di peringkat kementerian dan kerajaan Malaysia.

SEKSYEN 3 – PROSEDUR

Tatacara mengurus jika ada pelanggaran polisi adalah merujuk kepada polisi, garis panduan dan prosedur sedia ada yang berkaitan seperti berikut:

BIL	POLISI/GARIS PANDUAN/PROSEDUR	KLAUSA
1.	Polisi Kesamarataan Dalam Perkhidmatan	5 & 6
2.	Polisi Kebebasan Akademik dan Kecemerlangan Profesional	2
3.	Polisi dan Prosedur Pengambilan Pelajar Prasiswazah	2
4.	Polisi Program Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama Pengajian Siswazah di UTM	2.1
5.	Polisi dan Prosedur Pelaksanaan Program Pendidikan Transnasional (TNE)	1 & 2
6.	Polisi dan Garis Panduan Pembangunan, Penawaran dan Pelaksanaan Pindah Kredit Massive Open Online Course(MOOC)	2.1.1 & 2.1.2
7.	Polisi dan Kod Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Prasiswazah	2.1
8.	Polisi Kebebasan Akademik dan Kecemerlangan Profesional	2
9.	Polisi dan Kod Pembelajaran dan Pengajaran Pascasiswazah	2.1.1

10.	Polisi dan Prosedur Penubuhan, Atribut dan Pembubaran Entiti Akademik	2
11.	Polisi dan Prosedur Pengurusan Senat	2
12.	Polisi Latihan dan Pembangunan Profesional Staf Akademik	2.1.5
13.	Polisi Perbelanjaan Berhemah	3.8.2
14.	Cost Recovery Policy	4.1 & 4.2

Perincian setiap klausa berkaitan adalah seperti di Lampiran A.

SEKSYEN 4 –TADBIR URUS

4.1 TANGGUNGJAWAB

Pemunya Polisi	Jabatan Pendaftar
Pengurus Polisi	Seksyen Governan, Pejabat Pendaftar

4.2 KAWALAN VERSI AND KRONOLOGI PERUBAHAN

Nombor Versi	Tarikh diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
1 (SATU)	6 MAC 2019	JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI	-

LAMPIRAN A

BIL	POLISI/GARIS PANDUAN/PROSEDUR	KLAUSA
1.	Polisi Kesamarataan Dalam Perkhidmatan	<p data-bbox="651 416 1377 450">5. KESAMARATAAN DALAM PERKHIDMATAN</p> <p data-bbox="651 528 1377 667">Bagi mencapai kepelbagaian dan kesamarataan dalam perkhidmatan, UTM menyokong amalan berikut:</p> <p data-bbox="651 745 1377 1330">5.1 Pengambilan, Kenaikan Pangkat dan Pemilihan Pekerja Apabila UTM berhasrat untuk melantik dan menaikkan pangkat calon kepada peranan yang tertentu, pihak pengurusan akan mempertimbangkan kesamarataan dalam proses pemilihan dan pelantikan calon berdasarkan kepelbagaian kriteria yang dikaitkan dengan kepakaran, pengalaman, integriti, kehendak peranan yang tertentu serta menolak apa-apa tujuan diskriminasi sepanjang proses berkenaan.</p> <p data-bbox="651 1408 1377 1991">5.2 Penggajian Pihak Pengurusan hendaklah memastikan organisasi tidak mempunyai niat diskriminasi terhadap Staf dalam isu penggajian dengan mengaplikasikan kesamarataan kepada semua Staf berdasarkan kelayakan dan kriteria yang ditetapkan. Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Pelantikan akan meluluskan perubahan penggajian organisasi secara tahunan. Jawatankuasa ini akan menyemak penggajian keseluruhan dan rangka kerja</p>

		<p>imbuan dari semasa ke semasa untuk memastikan ianya konsisten dengan jangkaan dan keperluan pasaran.</p> <p>5.3 Pengurusan Prestasi dan Pengurusan Bakat Pihak Pengurusan hendaklah berusaha memastikan kaedah dan proses semakan prestasi dan pengurusan bakat secara konsisten dilaksanakan kepada semua kumpulan dalam hubungannya dengan penilaian prestasi dan bakat Staf.</p> <p>5.4 Peraturan Waktu Bekerja Anjal UTM telah mengenal pasti kepentingan mengatur waktu bekerja anjal kepada Staf bagi membolehkan Staf mengimbangi dan kerja demi kecemerlangan organisasi dan tanggungjawab peribadi secara berterusan bagi mengiktiraf amalan waktu bekerja anjal dan bagi membantu Staf mencapai tanggungjawab peribadi di luar skop pekerjaan. UTM telah mempunyai rangka kerja yang membolehkan dan menggalakkan ketelusan serta perbincangan bersama dalam pengaturan waktu bekerja anjal. Rangka kerja ini menggariskan proses pelaksanaan dan pengurusan berterusan berdasarkan kepada garis panduan yang telah dibentuk.</p> <p>6. KESAMARATAAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA OLEH LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN UNIVERSITI</p>
--	--	--

		<p>6.1 Proses Pencalonan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Universiti hendaklah memastikan ia tiada niat atau bertujuan melakukan diskriminasi terhadap calon dalam dimensi tertentu semasa mencalonkan ahli jawatankuasa. Tambahan mereka akan berusaha untuk melantik calon yang mempunyai kepelbagaian kepakaran yang diperlukan bagi menyandang jawatan tertentu melalui pelbagai kaedah.</p> <p>6.2 Proses Pelantikan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Universiti hendaklah membuat pelantikan kepada ahli jawatankuasa berdasarkan merit. Walau bagaimanapun, mereka akan mempertimbangkan aspek kesamarataan dalam melihat pembangunan gabungan kepakaran, kemahiran, proses pelantikan dan apabila membuat pelantikan ahli jawatankuasa tertentu.</p>
2.	Polisi Kebebasan Akademik dan Kecemerlangan Profesional	UTM komited untuk menegakkan dan memelihara kebebasan akademik serta kecemerlangan profesional di kalangan staf akademik dan penyelidik. Prinsip ini selaras dengan misi dan slogan Universiti bagi menjana minda yang kreatif dan inovatif. Perlindungan ini perlu bagi memastikan staf akademik dan penyelidik mempunyai kebebasan untuk meneroka, mempelopori serta menyebarkan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan masyarakat.

3.	Polisi dan Prosedur Pengambilan Pelajar Prasiswazah	UTM Komited dalam melaksanakan pengurusan pengambilan pelajar prasiswazah secara adil dengan mengguna pakai dasar pengambilan ke IPTA berasaskan prinsip meritokrasi tanpa diskriminasi.
4.	Polisi Program Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama Pengajian Siswazah di UTM	2.1.1 Pihak UTM sentiasa mengalakkan dan menyokong inisiatif untuk mewujudkan program dwi ijazah (double degree), dual ijazah (dual degree) dan ijazah bersama (joint degree) di peringkat pasca-ijazah di antara UTM dengan Universiti dalam dan luar negara.
5.	Polisi dan Prosedur Pelaksanaan Program Pendidikan Transnasional (TNE)	1.0 UTM komited untuk memastikan program akademik melalui kaedah TNE dilaksanakan oleh Fakulti/Sekolah/Pusat/Akademi/Institut/ lain-lain PTJ mematuhi penjaminan kualiti akademik yang ditetapkan. Kaedah ini hendaklah dilaksanakan bagi memastikan kecemerlangan penawaran program akademik merentasi negara dan sempadan serantau. Kepentingan polisi ini juga bagi mengambil tindakan pencegahan awal terhadap risiko pelaksanaan yang melibatkan reputasi UTM, pelaburan sumber kewangan yang tinggi dan sumber pendidikan dan keintelektualan yang tinggi antara UTM dan/atau Institusi Rakan Kongsi (IRK). Pemilihan IRK juga hendaklah mengikut kriteria yang ditetapkan.
6.	Polisi dan Garis Panduan	2.1.1 UTM memberi jaminan kepada pihak berkepentingan bahawa kualiti MOOC UTM

	Pembangunan, Penawaran dan Pelaksanaan Pindah Kredit Massive Open Online Course(MOOC)	sentiasa terpelihara dan dipertingkatkan. 2.1.2 UTM komited untuk menyediakan MOOC yang berkualiti dan bersesuaian dengan keperluan negara dan industri, peluang kepada pelajar mempelajari, menguasai dan mempertingkat ilmu dalam bidang yang diikuti melalui akses kepada bahan pembelajaran dan pengajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja
7.	Polisi dan Kod Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Prasiswazah	UTM memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa kualiti pembelajaran dan pengajaran di UTM sentiasa terpelihara dan dipertingkatkan.
8.	Polisi Kebebasan Akademik dan Kecemerlangan Profesional	UTM komited untuk menegakkan dan memelihara kebebasan akademik serta kecemerlangan profesional di kalangan staf akademik dan penyelidik. Prinsip ini selaras dengan misi dan slogan Universiti bagi menjana minda yang kreatif dan inovatif. Perlindungan ini perlu bagi memastikan staf akademik dan penyelidik mempunyai kebebasan untuk meneroka, mempelopori serta menyebarkan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan masyarakat.
9.	Polisi dan Kod Pembelajaran dan Pengajaran Pascasiswazah	2.1.1 Prinsip umum program pengajian siswazah (PPS) di UTM ialah menyediakan program pengajian siswazah yang berkualiti bersesuaian dengan keperluan Negara dan globalisasi.

10.	Polisi dan Prosedur Penubuhan, Atribut dan Pembubaran Entiti Akademik	Universiti komited dalam memastikan entiti akademik yang ditubuhkan adalah secara telus dan konsisten dari segi penamaannya. Setiap entiti akademik mempunyai ciri-ciri khas yang perlu diambilkira dalam setiap penubuhannya.
11.	Polisi dan Prosedur Pengurusan Senat	Senat Universiti komited dalam melaksana peranannya sebagai badan tertinggi akademik yang membincangkan secara terbuka serta keputusannya disampaikan kepada pihak berkepentingan. Kualiti keputusan mesyuarat dilakukan oleh keahlian yang terdiri daripada kepelbagaian disiplin ilmu. Prinsip ini memastikan hala tuju akademik selaras dengan misi dan visi Universiti.
12.	Polisi Latihan dan Pembangunan Profesional Staf Akademik	2.1.5 Universiti akan mempertimbangkan semua permintaan rasmi untuk latihan. Permintaan hanya akan ditolak selaras dengan peraturan dan keperluan Universiti apabila ada sebab yang baik untuk berbuat demikian.
13.	Polisi Perbelanjaan Berhemah	3.8.2 Berikut ialah kadar jaman / keraian / bagi mesyuarat / bengkel / kursus yang perlu diikuti sebagai panduan oleh semua Fakulti / PTJ :- < Jadual Kadar, Rujuk 3.8.3 Pekeliling Bendahari Bil 2/2014 >
14.	Cost Recovery Policy	4.1 Sebarang Program/Aktiviti yang dijalankan oleh warga Universiti/PTJ perlu mempunyai perancangan kewangan yang telus dan mengambil kira elemen <i>overhead</i> Universiti.

		<p>Justeru itu, adalah disarankan penggunaan 'template' yang menjadi panduan kepada warga Universiti seperti di Lampiran I - Anggaran Pendapatan dan Kos Program / Aktiviti.</p> <p>4.2 Bagi Program / Aktiviti PTJ yang menjana pendapatan, Agihan Sumbangan daripada Tabung-Tabung Amanah yang berkaitan adalah berdasarkan beberapa aktiviti yang telah dikenalpasti dan Agihan Sumbangan adalah seperti di Lampiran II - Agihan Sumbangan Program / Aktiviti Penjanaan Pendapatan Universiti.</p>
--	--	---